



## Scientex beli tanah di Pulau Pinang

KUALA LUMPUR: Scientex Bhd membeli enam bidang tanah pegangan bebas yang berukuran 7.83 juta kaki persegi di Pulau Pinang untuk meluaskan simpanan tanahnya bagi aktiviti pembangunan hartanah ke wilayah utara dari selatan Semenanjung Malaysia

Unitnya, Scientex (Skudai) Sdn Bhd, memeterai perjanjian membeli tanah di Seberang Perai Utara daripada Palma Indah Sdn Bhd dengan harga RM109.59 juta hari ini.

Pengembangan simpanan tanah itu adalah sejajar dengan visi kumpulan itu untuk membina 50,000 rumah berkualiti berharga mampu milik di seluruh negara menjelang 2028, kata Scientex dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini.

Syarikat berkenaan yang juga pengeluar pembungkusan, berkata cadangan pengambilalihan itu akan dibiayai menerusi dana dalaman, pinjaman bank dan penerbitan sukuk murabahah.

Perjanjian itu dijangka selesai dalam separuh pertama tahun depan.

-BERNAMA